

15/07/1999

Pas menghalalkan cara demi nafsu

Zukri Valentino

UNGKAPAN 'Matlamat Menghalalkan Cara' sudah tidak asing lagi bagi kita yang seringkali mengikuti perkembangan politik tanah air.

Seketika dulu ungkapan ini hebat diperkatakan malah didebatkan pada perhimpunan agung Umno kononnya hanya segelintir ahli dan pemimpinnya dituduh mengamalkan prinsip berkenaan.

Kini, masa sudah berubah dan kita sudah kurang terdengar ungkapan ini di koridor kuasa Umno. Aneh sekali, kita dapati Pas pula yang sebelum ini mengharamkan pendekatan itu, kini berprinsip demikian dan hakikat ini dapat dilihat menerusi pelbagai tindak tanduk dan kenyataan yang dibuat oleh pemimpin parti yang masih mendakwa memperjuangkan Islam, tetapi hanya di Malaysia.

Kita katakan Pas dan pemimpin mereka percaya serta berpegang teguh kepada prinsip itu lantaran ada antara mereka telah bertindak dan bercakap mengenai segala-galanya untuk menjustifikasikan idaman mereka memenangi undi rakyat pada pilihan raya umum akan datang.

Kalau kita sudah lupa, dinyatakan secara jelas di sini beberapa contoh Pas menghalalkan tindak-tanduk mereka:-

* Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata Pas sanggup bekerjasama dengan syaitan; sanggup menggugurkan slogan 'Daulah Islamiah' dan membenarkan orang Islam mencarut.

* Datuk Fadzil Nor berkata Pas sedia menerima ahli bukan Islam dan akan melelong Putrajaya jika menang pilihanraya;

* Datuk Dr Harun Din berkata Pas akan menjadikan Perlis sebagai republik dan membawa keluar daripada Persekutuan Malaysia;

* Negara Islam tidak boleh ditadbir oleh wanita, namun mereka berada teguh di belakang Dr Wan Azizah Ismail, Presiden Parti Keadilan.

Jika kenyataan ini tidak berbau 'Matlamat Menghalalkan Cara', kita tidaklah tahu apa maksudnya, akan tetapi kita amat yakin bahawa ini adalah sebenarnya prinsip, falsafah perjuangan dan pendekatan politik Pas ketika ini.

Suka diingatkan bahawa ini baru beberapa bulan sebelum kempen pilihan raya umum. Percayalah, kita akan didedahkan kepada pelbagai lagi tindak tanduk Pas yang semuanya untuk menghalalkan hasrat dan nafsu politik mereka. Lantaran nafsu politik yang meluap-luap, Pas sanggup berbuat apa saja yang difikirkan sesuai (langsung tidak sesuai bagi kita rakyat Malaysia) untuk mencapai matlamat berkenaan.

Ini termasuklah menghalalkan buku Shit yang jelas merupakan alat melepas geram, mencarut di tahap paling menjijikkan dan satu pelacuran sastera oleh orang yang sebelum ini tidak pernah terfikir akan berbuat demikian. Malang sekali, bagi Pas buku ini disifatkan 'OK, kira paslah' kerana mereka amat mempertahankan penulis dan kandungannya.

Dalam beberapa bulan yang akan datang ini, rakyat Malaysia akan didedahkan kepada pelbagai lagi pendekatan politik haru-biru atau dalam bahasa Kedah berbunyi 'Loqlaq' serta menjahanamkan segala pertimbangan moral dan akhlak oleh para pemimpin Pas yang kelihatan semakin buta kepada kenyataan dan amat celik (malah terbeliak) kepada ambang kuasa yang mereka idamkan.

Justeru itu, kita akan dengar beberapa lagi kenyataan-kenyataan merapu (meminjam kata-kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) dan fatwa songsang yang akan dikeluarkan tanpa perkiraan wajar, semua bagi menghalalkan politik mereka.

Kita ingin nyatakan hanya rakyat Malaysia, khususnya orang Melayu yang buta mata dan tertutup minda saja yang akan terpedaya dengan politik sebegini. Apakah wajar politik ala Pas ini untuk orang Melayu? Sesuaikan politik bentuk ini bagi kita?

Kita katakan tidak kerana segala apa yang kononnya diperjuangkan oleh Pas hanya akan merugikan orang Melayu, mengajak mereka kembali ke zaman silam dan menggadaikan negara kepada orang luar.

Ini bukanlah kenyataan yang direka oleh Umno, malah yang kita dengar ialah diungkapkan oleh pemimpin Pas, yang ada antaranya individu cemerlang seketika dulu akan tetapi kemudiannya kecewa dan terus dengan mudahnya terpujuk dengan politik yang menjahanamkan tajaan Pas. Individu ini yang merupakan tokoh dalam bidang masing-masing (seketika dulu) telah melenyapkan ingatan-ingatan indah akan ketangkasan mereka dalam bidang tertentu, antara akademik dan agama, dengan bersekongkol dengan ahli politik Pas.

Dengan persekongkolan ini, mereka mentongsampahkan segala ceramah mereka sebelum ini. Maka, tidaklah lama sangat dan tidaklah begitu sukar bagi mereka untuk memeluk fahaman Pas yang lebih bersifat politik menjahanamkan.

Lantaran itu, tidaklah pelik bagi individu ini untuk melaung-laungkan perkara yang bukan-bukan, seiring dan seiring dengan pemimpin Pas seperti kerjasama dengan syaitan, mencarut itu halal, menubuhkan republik atas negeri yang tidak ada hasil mahsyul, melelong masjid dan pelbagai lagi yang boleh kita sifatkan sebagai karut-marut, apatah lagi kita kini berada di ambang alaf baru dalam zaman teknologi maklumat.

Kita tidak akan terkejut apabila dalam beberapa hari ini, Pas akan mengeluarkan semula fatwa terkenalnya, mengkafirkan Umno apabila melihat rakyat sudah mula celik akan pembohongan dan tipu muslihat mereka yang semuanya untuk meraih undi.

Percayalah mereka akan gunakan taktik ini pula sebagai senjata terakhir setelah menyedari bahawa rakyat tidak mudah terpedaya dengan fatwa songsang yang mereka lontarkan di setiap sudut negara ini atas nama ceramah politik.

Disebabkan bab kafir-mengkafir ini amat berkesan kepada mereka, Pas tidak akan teragak-agak untuk menggunakan pendekatan ini apabila semua pendekatan lain sudah seperti senjata menikam tuan. Ini adalah kerana rakyat, khususnya orang Melayu tidaklah sebodoh yang mereka sangkakan. Malah pula, fatwa kafir-mengkafir ini amat berkesan bagi Pas sebelum ini kerana lantaran fatwa itu, mereka berjaya memerintah Kelantan dan memenangi beberapa kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen pada pilihan raya umum sebelum tahun 1978.

Fenomena mengkafirkan umat Islam di Malaysia hanya timbul pada 1951 selepas seorang dua pemimpin Pas mensalah tafsir buku Islam and Sovereignty atau Islam dan Kedaulatan tulisan Sheikh Abdul Kadir Al-Mandili, seorang penulis Mesir. Pendekatan ini digunakan oleh pemimpin Pas yang agak ekstrim ketika itu, termasuklah yang DiPertuanya Allahyarham Datuk Asri Muda. Untuk mendapat undi, ahli Umno dijatuhi hukuman sebagai kafir.

Malang sekali dan anehnya sebelum beliau kembali ke rahmatullah, Datuk Asri menyertai Umno dan membuat pengakuan bahawa fatwa itu hanya bersifat politik semata-mata. Beliau tidak keseorangan kerana selepas beliau, bekas Naib Yang DiPertua Pas, Nakhai Ahmad dan bekas pemimpin Pemuda Pas Kedah, Saifuddin Nasution (kini penyokong kuat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan parti Keadilan, sekadar menyebut dua nama saja) menyertai Umno. Akan tetapi, barisan kepimpinan Pas selepas beliau masih menggunakan pendekatan yang sama, bagi tujuan yang sama.

Di sini, kita ingin bertanya, kalau ahli-ahli Umno diistilahkan sebagai

kafir selepas 1951, apakah nasib mereka yang menyertai parti itu sebelum tahun berkenaan? Dan apakah status ahli-ahli Pas yang menyertai Barisan Nasional pada 1978? Macam mana dengan ahli-ahli parti Keadilan dan parti Rakyat Malaysia yang menjadi sekutu Pas ketika ini? Apa pula nasib umat Islam di bumi-bumi lain yang bukan ahli Pas? Bagaimana pula dengan Junjungan Besar Nabi Muhammad saw dan sahabatnya?

Kepada ahli Umno, kita semua tidak perlu gundah-gulana dan gelabah tidak menentu melihatkan sokongan (kalau boleh dikatakan sokongan) orang ramai yang ditafsir menerusi bilangan mereka yang menghadiri ceramah politik saban malam. Ini bukanlah kali pertama kita melihat riak Pas yang hanya lebih bersifat `lebih kuah daripada sudu' dan `menang sorak kampung tergadai'.

Kalau kita masih ingat akan pesanan ahli Majlis Tertinggi dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman semasa penggulungan perbahasan di perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, kita akan tetap tabah dan cekal untuk menghadapi seteru politik yang sudah kita kenal riaknya sejak sekian lama.

Pas bukanlah lawan kita yang baru dan bukanlah mereka membawa isu baru untuk pilihan raya umum kali ini. Mereka sebenarnya sudah bangkrap modal politik untuk menentang Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kita akur sudah berjaya memulihkan ekonomi sehingga ke tahap ini dengan kudrat dan keyakinan sendiri, tanpa bantuan dan tunjuk ajar pihak luar.

Kita akan merempat seperti masyarakat Asia yang lain, khususnya jiran kita yang terpaksa menggadaikan kemerdekaan mereka dan membiarkan penjajah kembali ke tanah air kita atas nama pemulihan ekonomi.

Ingatlah hanya Umno yang berjaya mempertahankan dan menyelamatkan agama, bangsa dan negara kita selama ini. Kalau nak diharapkan kepada pihak lain, kita sudah lama menjadi seperti rakyat Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan penduduk Afrika yang menyerahkan negara mereka kepada orang asing.

Sehubungan itu, kalau kita yakin akan perjuangan agama, bangsa dan negara yang diterajui Umno, kita akan tetap berada dalam jemaah ini untuk meneruskan agenda kita. Biar apa pun mereka kata, namun tetap tabah kerana nanti tuhan tolong.

ZUKRI VALENTENO,
Ahli Umno Kuala Kedah,
Alor Star.

(END)